

B B793 BAH
MAHATHIR - UUM

JITRA, 24 NOV (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI MENYATAKAN KURANG SENANG TERHADAP PENEBAANGAN TERLAMPAU BANYAK POKOK DI TAPAK PEMBINAAN KAMPUS TETAP UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM) DI SINTOK.

BELIAU BERKATA PERBUATAN ITU MENUNJUKKAN ARAHAN KERAJAAN SUPAYA POKOK-POKOK DI KAWASAN BERKENAAN DIKEKALKAN SEOLAH-OLAH +TIDAK SAMPAI KE BAWAH+.

PENEBAANGAN POKOK-POKOK YANG DILAKUKAN BERIKUTAN KERJA-KERJA PEMBINAAN KAMPUS ITU, YANG TERLETAK KIRA-KIRA 60 KM DARI ALOR SETAR, MENYEBABKAN SEJUMLAH KAWASAN YANG LUAS +BOTAK+ DARIPADA POKOK-POKOK.

PEMBINAAN KAMPUS ITU SEPATUTNYA BOLEH DILAKUKAN TANPA MENEBAANG TERLAMPAU BANYAK POKOK, KATANYA KEPADA PEMBERITA KETIKA MELAWAT TAPAK KAMPUS UNIVERSITI ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR, BAGAIMANAPUN, TIDAK MAHU MENYALAHKAN MANA-MANA PIHAK ATAS PERBUATAN ITU. -- LAGI
1743MST 24 11 89

B B794 BAH
MAHATHIR - UUM 2 JITRA

+KITA TIDAK BOLEH SALAHKAN KONTRAKTOR KERANA SAYA DIFAHAMKAN KONTRAKTOR MENDAPAT ARAHAN SUPAYA MENERANGKAN KAWASAN TANAH ITU,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR DIIRINGI OLEH MENTERI BESAR, DATUK SERI HAJI OSMAN AROFF, DALAM LAWATAN ITU DAN MENDENGAR TAKLIMAT YANG DISAMPAIKAN OLEH TIMBALAN NAIB CANSELOR HAL EHWAL PELAJAR UUM, DR UZAIR ABDUL MALIK.

BELIAU BERKATA SECARA KESELURUHAN BELIAU BERPUAS HATI DENGAN KEMAJUAN YANG DICAPAI DALAM KERJA-KERJA PEMBINAAN TAPAK KAMPUS ITU.

MENGENAI DAKWAAN UUM KONONNYA SEJUMLAH 400 BATANG KAYU JATI BERNILAI \$6 JUTA DICURI DARI TAPAK KAMPUS ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DAKWAAN ITU ADALAH TIDAK BENAR KERANA DI NEGARA INI POKOK JATI TIDAK TUMBUH SECARA SEMULAJADI KECUALI YANG DITANAM.

BELIAU, BAGAIMANAPUN, TIDAK MENAFIKAN BERLAKU PERBUATAN MENCURI KAYU DARIPADA JENIS LAIN YANG KURANG BERHARGA DARIPADA KAYU JATI. -- LAGI

1745MST 24 11 89

B B795 BAH
MAHATHIR - UUM 3 JITRA

MENURUTNYA, PENCURI KAYU ITU TELAH PUN DIDENDA DAN BELIAU TELAH MENGARAHKAN PIHAK UNIVERSITI SUPAYA MEMPASTIKAN PERKARA ITU TIDAK BERULANG LAGI.

DATUK SERI DR MAHATHIR DAN ISTERINYA, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHAMAD ALI, TIBA DI NEGERI INI PETANG SEMALAM, UNTUK LAWATAN DUA HARI.

BELIAU KEMUDIAN BERLEPAS DENGAN PESAWAT KE LANGKAWI PETANG INI DARI LAPANGAN TERBANG ALOR SETAR. -- BERNAMA

1744MST 24 11 89